



Kembara Sutera

Kota ***Larangan Beijing***

*Catatan Perjalanan: Menjejak Feng Shui di Wuyuan
Mencari Ibu Kota Dunia Panda di Ya'an
Pesta Songkran Sambutan Tahun Baharu di Xishuangbanna
Jambatan Lugou Kecantikan yang Sukar Ditandingi*





Wacana dari Tembok Besar

Tahun 2012 yang sudah berlalu hampir setengah tahun membuka lembaran baharu kepada hubungan kami dengan pendengar siaran bahasa Melayu Radio Antarabangsa China (CRI) dan pembaca Kembara Sutera di luar sana. Kalau sebelum ini para pendengar dan pengunjung laman sesawang kami hanya menatap majalah Kembara Sutera di laman sesawang, mulai terbitan ini, para pembaca boleh memiliki Kembara Sutera yang disisipkan dalam majalah LIBUR ini. Kami percaya usaha kami ini akan mendekatkan saudara dengan kami khususnya, dan China amnya.

Kembara Sutera kali ini akan membawa anda terus menjelajah pelbagai tempat di China yang sebelum ini kurang diwarwarkan atau dikenali oleh pelancong. Kami yakin para pelancong mengenali Shanghai, Guangzhou, selain kota penuh sejarah Beijing melalui keluaran lalu Kembara Sutera, atau telah menjejaskan kaki ke kota-kota berkenaan. Apa kata, dalam Kembara Sutera kali ini, kita jejak tempat-tempat yang mungkin asing kepada peta geografi saudara tentang China.

Ayuh bersama-sama kami bermain air sempena Pesta Songkran di Xishuangbanna, atau mengira jumlah ukiran singa di Jambatan Lugou. Saudara pasti menyukai haiwan comel yang pernah menjadi tajuk filem terkenal Hollywood ini. Siapa tak kenal si Panda yang berwarna hitam putih ini. Ikuti kisah panda yang tidak pernah diceritakan sebelum ini. Pendek kata, mulai hari ini anda akan melihat sisi lain negara tembok besar ini.

Oh ya, tahun 2012 juga merupakan tahun naga dalam kalendar Cina. Naga sering dijadikan lambang kepada kegembiraan, keabadian, dan kesuburan. Semoga tahun naga 2012 ini akan membawa kebahagiaan dan hubungan baik yang berkekalan kepada kita.

Harapan kami, jangan lupa miliki setiap keluaran Kembara Sutera sebagai panduan pelancongan jika anda berhasrat melancong ke negara tembok besar ini. Malah tidak salah jika anda menatap Kembara Sutera sebagai satu cara melancong tanpa biaya yang besar. Anda juga dialu-alukan menghantar sebarang pertanyaan tentang China sama ada melalui surat, emel atau laman sesawang kami dan kami akan berusaha menjawab persoalan anda. 张雯雯

张雯雯
Awan



08



04



14



18



12

04

Kota Larangan Beijing: Pesona di Sebalik Tembok Merah

08

Catatan Perjalanan: Menjejaki Feng Shui di Wuyuan

12

Mencari Ibu Kota Dunia Panda di Ya'an

14

Pesta Songkran, Sambutan Tahun Baharu di Xishuangbanna

18

Jambatan Lugou: Kecantikan yang Sukar Ditandingi

Penerbit:
Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:
An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:
Zhang Wenwen

Editor:
**Wang Jin Nelawati Ngadul
Zhang Wei Lin Ying**

Tempat Edaran:
Malaysia

Tarikh Terbit:
Bulan Ketiga Setiap Suku Tahun

Laman Sesawang:
<http://malay.cri.cn>

facebook:
www.facebook.com/crimalay

E-mel:
mal@cri.com.cn

Surat-menyurat:
**Malay Service, China Radio
International, 16A Shijingshan
Road, 100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:
0086-10-68892073

Kota Larangan Beijing atau dikenali sebagai Forbidden City Beijing yang terletak di pusat bandar Beijing merupakan istana persemayaman 24 orang maharaja China zaman Dinasti Ming dan Qing.



Kota Larangan Beijing Pesona di Sebalik Tembok Merah

oleh Zhang Wei



Pemandangan pada waktu malam di Menara Pengawal Kota Larangan.

Kota Larangan Beijing atau lebih dikenali sebagai *Forbidden City Beijing* merupakan kompleks bangunan zaman purba yang paling besar dan dipelihara paling baik di dunia. Kota Larangan Beijing yang mempunyai nilai sejarah amat tinggi ini terkenal bukan sahaja di China, malah di seluruh dunia kerana saiznya yang besar, gaya binaannya yang indah, bangunannya yang tersergam megah dan mewah. Kota Larangan Beijing disenaraikan sebagai Warisan Budaya Dunia oleh UNESCO pada tahun 1988. Kota Larangan Beijing yang terletak di pusat bandar raya Beijing ini dibina atas titah perintah Maharaja Zhu Di, maharaja zaman Dinasti Ming pada tahun 1406. Pembinaan kota ini mengambil masa 14 tahun. Dua puluh empat orang maharaja zaman Dinasti Ming dan Qing pernah bersemayam dan menguruskan hal ehwal pentadbiran negara di sana selama kira-kira 500 tahun, sehinggalah Dinasti Qing digulingkan pada tahun 1911. Kota Larangan Beijing terletak



Waktu melancong yang paling sesuai

Beijing mengalami iklim lembap yang dipengaruhi oleh monsun empat musim yang berbeza. Musim sejuknya berangin dan kering, kerana pengaruh antisislon Siberia yang terbentang luas, manakala musim panasnya umumnya panas dan lembap, disebabkan oleh monsun Asia Timur. Suhu udara purata pada bulan Januari sekitar -4°C, manakala suhu udara purata pada bulan Julai adalah sekitar 26°C. Waktu melancong ke Beijing yang paling baik adalah hujung bulan April hingga awal bulan Jun, dan hujung bulan Ogos hingga hujung bulan November. Sejak 2 Julai 2011, Kota Larangan Beijing melaksanakan sistem laluan lawatan “sehalu”, iaitu pelancong hanya boleh masuk dari Pintu Wu di sebelah selatan dan keluar dari pintu Shenwu di sebelah utara.



Artifak-artifak bernilai yang disimpan di Kota Larangan.

dalam kawasan seluas lebih 720 ribu meter persegi dan dikelilingi oleh tembok yang tingginya 10 meter dan parit perlindungan selebar lebih 50 meter. Reka bentuk bangunan, saiz, susunan, bentuk, hiasan dan kemudahan yang terdapat di Kota Larangan Beijing dibina menurut sistem kesusilaan, etika dan hierarki pangkat dinasti feudal yang ketat dan menggambarkan kuasa maharaja adalah yang maha tinggi.

Para pengunjung mesti melawat tiga dewan utama yang besar di Kota Larangan ini, iaitu Dewan Taihe, Dewan Zhonghe dan Dewan Baohe yang merupakan bangunan yang paling menarik. Kesemua dewan besar ini merupakan tempat maharaja menjalankan urusan pentadbiran dan mengadakan upacara-upacara yang penting. Ketiga-tiga dewan besar ini terletak tepat di garis tengah dari utara ke selatan bandar Beijing. Dewan Taihe yang tingginya kira-kira 40 meter merupakan bangunan yang paling besar dan tinggi di Kota Larangan Beijing ini. Dalam dewan itu terdapat takhta persemayaman maharaja yang disadur dengan emas dan 13 ribu buah pahatan naga, iaitu lambang maharaja. Dataran di hadapan dewan ini

luasnya 30 ribu meter persegi.

Terdapat 9999.5 buah dewan dan rumah di Kota Larangan Beijing. Menurut kepercayaan golongan maharaja pada zaman purba China, maharaja merupakan putera Maharaja di Langit yang menentukan segala sesuatu di dunia. Istana Diraja di Langit mempunyai 10 ribu buah dewan dan rumah. Istana diraja di dunia tidak boleh melampaui bilangan itu. Maka jumlah dewan dan rumah di Kota Larangan Beijing ditetapkan sebanyak 9999.5 buah. Ada perbandingan menarik tentang jumlah ini bagi menunjukkan betapa besarnya kompleks bangunan Kota Larangan ini. Seandainya seorang bayi yang baru dilahirkan tidur semalam sahaja di setiap dewan atau rumah di Kota Larangan Beijing ini, dia akan berusia 27 tahun, apabila berjaya tidur di semua dewan dan rumah ini.

Pembinaan Kota Larangan Beijing mengumpulkan kepandaian dan kebijakan rakyat China. Susunan seluruh kompleks bangunan, pelbagai bentuk atap, hiasan pada pintu dan dinding memperlihatkan reka bentuk yang bijak dan luar biasa. Penggunaan batu putih berkualiti (汉白玉) untuk membina lantai Dewan Taihe



Dewan Jianji, Kota Larangan

yang setinggi 8 meter, bukan sahaja membuatkan dewan itu kelihatan lebih megah, tetapi juga untuk menghalang lembapan tanah. Terdapat banyak pahatan kepala naga daripada batu putih berkualiti yang cantik, yang dibahagikan dengan rapi pada dinding tiga lapis dasar Dewan Taihe. Kepala naga tersebut bukanlah hiasan semata-mata, tetapi juga untuk memudahkan penyaluran air. Apabila hujan lebat, lebih 1000 buah kepala naga tersebut akan menyalurkan air keluar, sekali gus mewujudkan pemandangan yang sangat mengagumkan. Dalam Kota Larangan ini terdapat empat baris bangunan, yang jika dipandang dari luar memang benar-benar seperti rumah, tetapi di dalamnya penuh dengan ketulan batu sahaja. Bangunan ini adalah kemudahan yang direka oleh arkitek pada masa itu untuk menghalang kebakaran. Di belakang Dewan Baohe pula, terdapat sebuah

batu besar berbentuk segi empat panjang yang beratnya 300 tan dan diletakkan condong di tengah-tengah tangga. Di permukaan batu berukuran lebih 50 meter persegi ini diukir gunung, air laut, awan dan sembilan ekor naga. Batu yang besar ini telah diambil dari suatu tempat yang jauhnya kira-kira 100 kilometer dari bandar Beijing. Untuk mengangkut batu ini, para pekerja telah menggali beberapa buah perigi yang jaraknya berselang beberapa puluh meter antara satu sama lain, di sepanjang jalan dari tempat asal batu itu sampai ke tempat pembinaan Kota Larangan Beijing. Kerja ini dilakukan pada musim sejuk. Air dari perigi-perigi tersebut yang dicurahkan di atas jalan akan membeku menjadi ais. Sebanyak 10 ribu orang pekerja dan lebih seribu ekor kuda menghela batu tersebut di atas jalan berais itu selama sebulan, sebelum sampai ke Kota Larangan Beijing. 图



Satu penjuru di Kota Larangan.



Tiket Masuk

Harga tiket berbeza pada musim puncak dan luar musim puncak.

Musim puncak (1 April-31 Oktober): RMB60 seorang (tidak termasuk lawatan ke Balai Barang-Barang Berharga dan Balai Jam). Luar musim puncak (1 November-31 Mac): RMB40 seorang (tidak termasuk lawatan ke Balai Barang-Barang Berharga dan Balai Jam).

Balai Barang-Barang Berharga: RMB10 seorang. Balai Jam: RMB10 seorang.

Laluan lawatan yang ideal Pengunjung masuk melalui Pintu Wu. Sepanjang laluan itu, pengunjung boleh melawat Jambatan Neijinshui, Pintu Taihe, Dewan Taihe, Dewan Zhonghe, Dewan Baohe, Pintu Qianqing, Istana Qianqing, Dewan Jiaotai, Istana Kunming, dan Taman Diraja. Selepas melawat Taman Diraja, pengunjung boleh melawat enam istana barat (Istana Chuxiu, Istana Lingkun, Istana Yongshou, Istana Xianfu, Istana Changchun, Istana Taiji) dari pintu kiri Taman Diraja dan keluar ke Lapangan Pintu Qianqing. Selain itu, pengunjung juga boleh melawat enam istana timur (Istana Yanxi, Istana Yonghe, Istana Jingyang, Istana Chengqian, Istana Zhongcui, dan Istana Jingyang). Pelancong keluar hanya melalui Pintu Shenwu.



Di tengah-tengah kampung Likeng mengalir sebatang sungai yang kecil dan cetek. Di kedua-dua belah jalan batu yang berliku-liku melalui kampung purba tersebut, tersusun satu demi satu rumah kuno. Gaya seni bina yang terdapat di Likeng ini dipanggil gaya Hui atau Huizhou.



Anak sungai yang mengalir melalui kampung Likeng.

Senja sudah berlabuh ketika saya tiba di kampung Likeng. Saya melihat ada sebatang pokok kapur barus besar yang daunnya hijau dan subur. Batang pokoknya ditempel dengan tangkal yang telah dibacakan doa untuk keselamatan dan sebilah pisau kecil yang dibalut benang sutera merah untuk menghalau hantu. Pokok besar ini bagaikan pelindung kampung tersebut.

Saya tinggal di inap desa milik Pak Yu. Awal pagi lagi saya terjaga dari tidur apabila terdengar bunyi rintik hujan yang menimpa kaca tingkap. Saya cepat-cepat turun ke bawah dan mendapati Pak Yu sekeluarga sudah bersiap untuk upacara memuja nenek moyang mereka. Anak sulungnya menjinjing beberapa ikat mercun; anak bongsunya mengangkat sebuah meja kuno yang panjang tempat menghidangkan makanan; dan Pak Yu sendiri membawa dupa dan lilin. Saya bersama-

sama mereka berjalan di atas jalan batu yang berliku-liku itu hingga ke tempat pemujaan. Hari masih gelap, cahaya lampu yang berwarna jingga di kedua-dua belah jalan memberikan sedikit kehangatan pada waktu subuh ini.

Selepas berjalan kira-kira 10 meter, terdapat sebuah jambatan batu yang menuju ke sebuah bangunan kuno. Inilah rumah kuno milik keluarga Pak Yu. Rumah ini besar dan luas dengan atapnya yang berwarna hitam dan dindingnya yang putih. Ketika pintu itu dibuka, saya rasa seperti kembali ke zaman purbakala. Mata saya terpaku menatap ukiran yang diperbuat daripada kayu-kayan yang sangat halus yang dianggarkan berusia ribuan tahun.

Di Wuyuan, ukiran kayu bukanlah hal yang luar biasa. Di mana-mana rumah penduduk pasti terdapat tingkap dan tiang-tiang berukir. Pelbagai jenis ukiran dapat ditemukan di sini: pintu besar yang diukir dengan huruf-huruf Cina, atau ukiran bunga-bunga dan burung yang tampak hidup di permukaan perabot. Siapa pun pasti akan mengagumi keunikan seni itu.

Pak Yu menyalakan dupa dan lilin yang diletakkan di atas meja kuno yang panjang. Anakanya membakar mercun di luar.

Keluarga ini mula menjalankan upacara memuja nenek moyang mereka.

Selepas upacara itu, kami bersama-sama balik untuk bersarapan. Qingmingguo (sejenis makanan yang rupanya macam ladu atau 'dumpling') menjadi makanan kegemaran saya. Kulitnya berwarna hijau, rasanya yang enak dan lembut serta berbau wangi herba menyegarkan.

Hari yang gelap sudah terang. Hujan gerimis menyapa jalan batu di kampung ini dan kabus nipis kelihatan menyelubungi puncak bukit. Setelah sarapan, Pak Yu meletakkan dupa, lilin, mercun, qingmingguo dan arak beras ke dalam bakul, lalu memanggil anaknya dan saya untuk bersama-sama menziarahi dan membersihkan kubur kaum keluarga mereka di sebuah bukit kecil.

Ketika saya berada di lereng bukit, saya dapat melihat pemandangan panoramik kampung ini. Pak Yu dan anaknya menyalakan colok, meletakkan makanan di depan jirat kaum keluarga dan menimbunkan tanah di atas jirat lama supaya jirat itu menjadi lebih tinggi dan kukuh. Bunyi mercun bergema di seluruh lembah. Mereka menjalankan upacara penyembahan dan mencurahkan arak beras di depan jirat sebagai doa agar memperoleh tuaian yang baik.

Semasa dalam perjalanan balik, saya terpesona dengan alam sekitar kampung Wuyuan yang terpelihara dengan amat baik. Pemandangan indah kampung ini dihiasi dengan pokok-pokok yang subur, anak sungai yang bening, jambatan batu yang melewati anak sungai dan laluan sempit yang melalui deretan rumah yang bercirikan seni bina Huizhou.

Pak Yu memberitahu saya, sebenarnya feng shui telah memberi banyak pengaruh kepada orang tempatan. Amalan feng shui



Jika anak sungai ini tidak dipelihara, kampung Wuyuan pasti hilang pesonanya.

bukan sahaja digunakan dalam pemilihan tapak bangunan, tetapi juga memberi kesan terhadap tingkah laku mereka setiap hari.

Menurut amalan feng shui, *qi* (tenaga) akan dibawa oleh angin, manakala air akan menampungnya. Orang kuno pandai mengumpulkan *qi* supaya ia tidak akan tersebar dan menjadi tenaga yang positif. Sejak zaman dahulu, penduduk Wuyuan mula memelihara gunung naga dan hutan di belakang kediaman kampung secara sukarela kerana mereka percaya gunung naga dan hutan ini mengumpulkan angin dan *qi* di "gua naga" (iaitu tapak kampung), menjadikan kampung ini stabil dan makmur. Perkara ini dikekalkan turun-temurun. Oleh itu, pemandangan ini menjadi salah satu faktor penting menyebabkan Wuyuan digelar kampung yang paling cantik di negara ini. ㊦



Kesan-kesan sejarah terdapat hampir di mana-mana.

🚌 Pengangkutan: Jika saudara merancang melancong ke Wuyuan, terdapat perkhidmatan bas persiaran antara Wuyuan dengan Shanghai, Hangzhou, Jingdezhen, Wenzhou, Ningbo, Jinhua, Quzhou, Nanchang, Jiujiang dan Huangshan. Saudara juga boleh menyewa kereta dengan harga antara 200 yuan hingga 300 yuan sehari. 🏠 Penginapan: Wuyuan menyediakan pilihan penginapan kepada pelancong sama ada di hotel berbintang, seperti Hotel Wuyuan, Hotel Huayuan dan Hotel Chabofu, atau tinggal di inap desa. 🍲 Makan: Makanan tempatan Wuyuan bercirikan juadah Anhui. Antaranya yang terkenal ialah ikan kukus dengan daun teratai, leher angsa dimasak masam manis, *qingmingguo* (sejenis kuih seakan-akan kuih koci dan ketupat).

Mencari Ibu Kota Dunia Panda di Ya'an

oleh Wang Jin

Pada penghujung filem *Kongfu Panda 2*, unsur saspens mengenai nasib Po terus menarik minat para penonton: bapa Po masih hidup dan mengetahui bahawa Po juga masih hidup. Filem ini berlatarkan gunung yang menghijau dan sungai yang airnya jernih, serta panda-panda sedang bekerja keras.

Pada penghujung filem *Kongfu Panda 2*, unsur saspens mengenai nasib Po terus menarik minat para penonton: bapa Po masih hidup dan mengetahui bahawa Po juga masih hidup. Filem ini berlatarkan gunung yang menghijau dan sungai yang airnya jernih, serta panda-panda yang sedang bekerja keras.

Walau bagaimanapun, kebanyakan penonton tidak mengetahui bahawa ibu kota bagi dunia haiwan yang bernilai ini ialah Ya'an di provinsi Sichuan, China.

Bandar Ya'an yang jauhnya sejam perjalanan menggunakan kereta dari Chengdu, dikenali sebagai batu permata hijau di kawasan barat China. Terdapat banyak cerita yang menarik dan panorama yang mempesonakan di bandar ini. Hutan asli menyaksikan sejarah evolusi orang hutan kepada manusia, manakala hujan renek seolah-olah menceritakan asal usul terbentuknya dunia ini.

Apabila mendengar "ibu kota panda", kita sewajarnya akan melihat peta untuk memastikan sama ada tempat itu terletak di tengah-tengah sesuatu kawasan atau tempat yang penting. Terdapat empat buah kawasan utama yang merupakan habitat panda di negara ini. Bandar Ya'an betul-betul terletak di tengah-tengah kawasan

tersebut.

Menurut Laporan Banci Panda Ke-3, habitat panda di Ya'an mencakupi kawasan yang luasnya 4821.96 kilometer persegi, kawasan yang paling luas iaitu 20.93% daripada keluasan habitat panda di seluruh China. Habitat lain panda terletak di kaunti Lushan (463.7 kilometer persegi), kaunti Baoxing (2000.32 kilometer persegi), kaunti Tianquan (1308.35 kilometer persegi), kaunti Yingjing (612.65 kilometer persegi), dan kaunti Shimian (436.94 kilometer persegi).

Panorama yang indah permai terbentang di antara Dataran Chengdu dan Dataran Tinggi Qinghai-Tibet, akibat kuasa alam yang menakjubkan, dan juga tempat lahirnya panda, haiwan yang comel dan bernilai ini.

Ya'an, yang juga dikenali sebagai tempat penemuan panda pertama, patut diberi gelaran "ibu kota panda".

Sejak tahun 1955, kerajaan China telah memilih 18 ekor panda dari Ya'an untuk dihadiahkan kepada pelbagai negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, British, Rusia, Perancis, Jerman, Korea Utara, Mexico dan lain-lain.


Panda-panda dari Ya'an yang dihadiahkan oleh kerajaan China itu telah menyaksikan

persahabatan antara rakyat China dengan negara-negara berkenaan. Antaranya Lingling dan Xingxing dihadiahkan kepada Amerika Syarikat, Pingping dan An'an untuk bekas Kesatuan Soviet, Nombor 1 dan Nombor 2 serta Lingling, Sanxing dan Dandan untuk Korea Utara, Lanlan, Kangkang dan Huanhuan untuk Jepun, Lili untuk Perancis, Jiajia untuk Britain, Yingying untuk Mexico, serta Tiantian, Quanguan dan Baobao untuk Jerman. Tiap-tiap panda ini telah menjadi utusan yang merapatkan hubungan persahabatan antara rakyat China dengan negara-negara terbabit.

Pada tahun 1961, Tabung Alam Sedunia (WWF) memilih imej panda sebagai lambang pertubuhan itu. Kaunti Baoxing di bandar Ya'an telah membuat lebih sepuluh buah arca panda dengan menggunakan batu jed putih, dan menghadihkan arca-arca tersebut kepada tabung itu untuk dipamerkan di hadapan bangunan ibu pejabat dan perwakilan WWF di seluruh dunia.

Panda dianggap kurniaan alam kepada Ya'an, maka melindungi panda serta habitatnya menjadi tugas bersama penduduk bandar ini. Dalam masa beberapa dekad lalu, mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk melancarkan program-program perlindungan demi menjayakan misi tersebut.

Berdasarkan keputusan statistik jabatan perhutanan tempatan, bandar Ya'an mempunyai enam buah zon perlindungan alam membabitkan hutan dan haiwan. Antaranya adalah lima zon perlindungan bagi melindungi panda dan habitatnya.



Kelima-lima zon perlindungan itu seluas 171.3 ribu hektar, meliputi 26.38% daripada kawasan habitat panda di seluruh bandar Ya'an.

Dalam beberapa tahun ini, bandar Ya'an giat mengembangkan pelancongan ekologi supaya mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dengan pemuliharaan ekologi serta perlindungan panda dan habitatnya. 中国





Pesta Songkran,

Sambutan Tahun Baharu di Xishuangbanna
oleh Lin Ying

Pesta Songkran atau Pesta Mandi Air yang jatuh pada setiap bulan April, merupakan hari kebesaran bagi masyarakat etnik Dai di negara China. Dalam bahasa Dai, perayaan ini dipanggil Leng He Shang Han, iaitu “tahun baharu pada bulan keenam” atau “tahun baharu dalam kalendar etnik Dai”. Sebenarnya, Pesta Songkran ialah hari pertama tahun baharu dalam kalendar etnik Dai kerana dalam kalendar mereka, tahun baharu dikira dari bulan keenam.



Asal usul Pesta Songkran, ada kaitan dengan legenda yang popular dalam kalangan etnik Dai. Kononnya, pada masa dahulu terdapat syaitan yang sangat kejam tinggal di Xishuangbanna yang indah dan subur itu. Syaitan ini telah menculik tujuh orang gadis yang cantik untuk dijadikan isterinya. Gadis-gadis yang memendam rasa benci terhadap syaitan itu bersama-sama memikirkan cara untuk membunuh syaitan tersebut. Pada suatu malam, isteri yang paling muda bernama Nong Xiang menyediakan makanan yang paling sedap dan arak, dan terus-menerus mengisi cawan syaitan sehingga akhirnya syaitan mabuk dan mendedahkan kelemahannya yang membawa padah. Syaitan yang tidak mengenal gentar itu rupa-rupanya sangat takut jika lehernya dibelit dengan rambutnya sendiri. Gadis yang pintar itu mencabut sehelai rambut merah dari kepala syaitan dengan berhati-hati dan segera membelit leher syaitan itu dengan sekuat-kuatnya. Memang betul kepala syaitan terpenggal dan terjatuh lalu berubah menjadi sebiji bola api. Ke mana sahaja bola api itu bergolek, api iblis merebak lalu menyebabkan rumah-rumah buluh terbakar dan tanaman turut musnah. Untuk memadamkan api iblis, Nong Xiang menyambar kepala syaitan itu, sementara enam orang isteri yang lain terus-menerus menyimbah air ke atasnya dan akhirnya berjaya memadamkan api iblis pada bulan keenam dalam kalendar etnik Dai. Akhirnya penduduk Dai mula menikmati kehidupan yang aman dan bahagia. Sejak itu menyimbah air menjadi satu tradisi dalam sambutan tahun baharu masyarakat



tempatan. Sekarang, tradisi itu sudah menjadi satu bentuk acara untuk sama-sama memohon restu.

“Mencurahkan” Restu Anda

Pada bulan April ketika bahagian utara China masih dingin, daerah Xishuangbanna, Lincang dan Dehong di provinsi Yunnan sudah mendapat “bayang-bayang” musim panas dan di mana-mana saja bunga-bunga yang memekar indah dan semerbak mewangi, mewarnai dan mengharumi suasana. Pesta Songkran

Acara menyimbah air terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *Wen Po* (menyimbah air dengan lemah lembut atau dengan cara yang sopan) dan *Wu Po* (menyimbah air dengan agresif).



Pesta Songkran dimeriahkan lagi dengan pelbagai permainan tradisional termasuk sabung ayam, melancarkan *Gaosheng* iaitu sejenis roket kecil, perlumbaan perahu naga, menerbangkan tanglung *Kongming* yang juga dikenali sebagai tanglung langit, menghanyutkan tanglung bunga teratai berliin dan sebagainya.

yang membuatkan ramai orang begitu teruja itu, justeru jatuh pada musim yang panas dan mempesonakan ini.

Bagi penduduk etnik Dai yang tinggal di tebing Sungai Lancang dan Ruili, Pesta Songkran merupakan satu perayaan tradisional untuk bersuka ria dan bergembira serta disambut dengan penuh kemeriahan. Pada hari perayaan ini, penduduk tempatan, tidak kira jantina, tua atau muda, semuanya akan memakai pakaian yang cantik untuk menyertai upacara memandikan patung Buddha dan diikuti acara menyimbah air untuk saling mendoakan kebahagiaan.

Acara menyimbah air terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *Wen Po* (menyimbah air dengan lemah lembut atau dengan cara yang sopan) dan *Wu Po* (menyimbah air dengan agresif). *Wen Po* merujuk kepada cara merenjis air suci dengan menggunakan daun puding atau pencedok. Dengan iringan rentak muzik etnik Dai yang merdu, beribu-ribu orang menari-nari sambil menjerit "Air! Air! Air!". Apabila

ditambah pula dengan bunyi pukulan dram dan gong yang bergema, suasananya sungguh mengagumkan.

Baik di kawasan bandar mahupun di pelbagai destinasi pelancongan, medan-medan simbah air sudah pun menjadi satu "lautan orang yang riang ria dan teruja dengan air".

Pada hari perayaan ini, mungkin anda hanya bersiar-siar di jalan raya. Namun anda juga mungkin akan tiba-tiba diserang bertubi-tubi dengan simbahan air oleh penduduk tempatan. Kemesraan orang tempatan juga akan membuat anda segera larut dalam suasana yang riang gembira itu. Ketika ini, anda akan dapat merasai sifat "berani dan liar" yang dipamerkan oleh orang timur yang terkenal dengan sifat lemah lembutnya.

Air, Sumber Segala-galanya

Hampir setiap tamadun yang mengalami perkembangan tidak dapat dipisahkan



daripada "asuhan dan pupukan" air. Namun tidak ada satu pun yang mempunyai hubungan yang begitu rapat dengan air berbanding masyarakat etnik Dai. Ketika anda memasuki kampung-kampung etnik Dai di daerah Xishuangbanna dan Dehong, yang terbentang di depan mata anda ialah satu pemandangan ekologi yang mempesonakan, seolah-olah hamparan lukisan yang indah — di depan kampung, air sungai yang jernih dan hijau mengalir dengan tenang; di tepi kampung, buluh dan pokok tumbuh subur dan menghiu, daun-daun yang hijau dan bunga-bunga yang merah saling menyerikan, bunga-bunga yang memekar indah dan buah-buahan yang masak ranum mengeluarkan bau yang harum mewangi. Deretan rumah buluh justeru terlindung di sebalik rimbunan pokok dan buluh yang menghiu itu.

Sejak zaman purba lagi, masyarakat Dai yang mendiami kawasan perairan Sungai Lancang dan Ruili, merupakan sebuah etnik yang mencintai dan menghargai air. Setiap butir kehidupan dan kebudayaan mereka berkait rapat dengan air. Sejak beribu-ribu tahun yang lalu, masyarakat yang hidup bersama air ini, telah mendapat rahmat yang melimpah dari air, membolehkan mereka bukan sahaja melahirkan peradaban penanaman padi yang tersendiri, malah berjaya mencipta kebudayaan



etnik yang gilang-gemilang.

Bagi etnik Dai, air ialah "susu" yang mencipta segala-galanya di bumi, sumber nyawa, dan pembawa kebahagiaan dan nasib baik. Etnik Dai membezakan penggunaan air dengan teliti. Air sungai hanya digunakan untuk mandi dan membasuh. Orang yang selesai kerjanya di ladang akan membersihkan diri di sungai terlebih dahulu sebelum pulang ke rumah. Hanya air perigi yang boleh diminum. Jadi, penduduk tempatan membina "rumah" yang cantik untuk perigi. "Rumah" dengan hiasan patung gajah, merak atau pagoda itu, ada yang berbentuk menara dan silinder, ada juga yang berbentuk rumah sebenar. Namun, gambaran penghargaan dan pemujaan etnik Dai terhadap air, diluahkan pada Pesta Songkran yang diadakan setahun sekali itu.

Air yang tenang, jernih, juga boleh mengujakan perasaan. Dalam pesta yang juga dikenali sebagai "Karnival Timur" ini, etnik Dai yang bersuka ria dan teruja dengan air, "mengamanahkan" restu dan harapan diri kepada air suci. Segala kerianan lahir daripada air, begitu mudah dan tulen. ❶

Restoran

Donglaishun

Cawangan Niujie

Restoran ini luasnya 800 meter persegi dan dapat menampung seramai 250 orang pelanggan pada satu-satu masa. Hiasan dalam restoran ini cukup indah, bercirikan kebudayaan Islam, di samping mempamerkan keunikan Beijing asli.

Hidangan Utama: Stimbot ala-China, Ayam Kung Pao, snek tradisional Beijing dan lain-lain.

Alamat: No.63, Guangnei St. (tenggara Jalan Niujie)

Tel: +86-10-83168911



Ayam Kung Pao

Menurut cerita, resepi "Ayam Kung Pao" mendapat namanya pada zaman Dinasti Qing, lebih 200 tahun yang lalu. Nama "Kung Pao" diambil sempena nama Ding Baozhen, seorang yang ternama ketika itu. Ding Baozhen berasal dari provinsi Guizhou. Ketika memegang jawatan sebagai Gabenor Provinsi Sichuan, beliau berusaha memperbaiki sistem pengairan di Dujiangyan untuk membantu penduduk tempatan mencegah bencana banjir. Beliau dianugerahi gelaran "Tai Zi Shao Pao" hasil sumbangan yang besar itu. "Tai Zi Shao Pao" ialah salah satu gelaran anugerah dari kumpulan "Kung Pao". Ding Baozhen sangat suka makan ayam dadu goreng. Oleh itu, untuk memperingati jasa Ding Baozhen, penduduk tempatan menamakan resepi ayam dadu goreng sebagai "Ayam Kung Pao".



Bahan

Daging ayam yang dipotong dadu 2x2 sm, kacang tanah, kicap, halia yang dicincang halus, cabai kering, gula, daun bawang dipotong sepanjang 2 sm, bawang putih yang dicincang kasar, lada hitam ditumbuk kasar, minyak masak untuk menumis.

Cara memasak:

1. Tumis bawang putih dan halia hingga wangi.
2. Masukkan daging ayam, kacau hingga separuh masak.
3. Tambahkan daun bawang dan perencah lainnya. Kacau rata.
4. Masukkan air, cabai kering dan kicap, dan biarkan mendidih hingga pekat.
5. Angkat. Bubuh dalam piring dan sajikan.



Masjid Niujie



Masjid Niujie



Kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri di Niujie.

Masjid Niujie

Masjid Niujie yang dibina pada tahun 966 Masihi merupakan masjid lama yang pertama dibina di petempatan awal penduduk Islam di selatan Beijing. Dengan keluasan kira-kira 6,000 meter persegi, dan ruang solatnya 600 meter persegi, masjid ini boleh menampung seribu jemaah menunaikan solat. Gaya seni bina dan reka bentuk bangunannya merupakan gabungan seni bina istana China dan bangunan Arab. Struktur kayu binaan masjid ini mempunyai hiasan bercorak Arab.

Alamat: No. 88, Niujie Street, Xicheng District, Beijing
Tel: 86-10-63532564



wǒ xiǎng qù niú jiē lǐ bài sì xiè xiè.
我想去牛街礼拜寺, 谢谢。
(Saya nak ke Masjid Niujie, terima kasih.)

dì zhǐ: xī chéng qū niú jiē bā shí bā hào.
地址: 西城区牛街 88 号。
(Add: No.88, Niujie Street, Xicheng District)



"Di sungai ini terdapat sebuah jambatan batu yang sungguh cantik, kecantikannya sangat sukar ditandingi di dunia."
Demikianlah gambaran Marco Polo tentang Jambatan Lugou dalam catatan pengembaraannya di China pada abad ke-13.



Jambatan Lugou

Kecantikan yang Sukar Ditandingi

oleh Farahnaz Hashim



"Bulan Pagi di Lugou" merupakan antara lapan pemandangan yang tipikal di Beijing.



Jambatan Lugou ketika "Peristiwa 7 Julai".

Jambatan Lugou, yang juga dikenali sebagai jambatan Marco Polo, letaknya 15 km dari barat daya pusat bandar Beijing. Ia merupakan antara jambatan batu tertua di utara China dan terkenal pada zaman purba disebabkan pemandangan bulan yang indah jika dilihat dari jambatan ini semasa Pesta Kueh Bulan.

Jambatan batu yang merentasi sungai Yongding ini panjangnya 266.5 meter dan lebarnya 9.3 meter. Jambatan ini dibina antara tahun 1189-1192 dan dibina semula pada tahun 1698 setelah rosak akibat banjir.

Jambatan Lugou ini amat unik kerana ukiran singa yang terdapat pada setiap langkanya. Pada setiap ukiran terdapat seekor singa besar dengan singa-singa kecil yang bersembunyi di kepala, belakang, bawah perut atau pada kakinya. Tiada dua ukiran yang serupa. Ini menimbulkan kesukaran dalam menentukan jumlah sebenar ukiran singa di Jambatan Lugou.

Pengiraan jumlah ukiran singa telah dijalankan beberapa kali, namun jumlah sebenarnya masih belum diketahui. Dianggarkan terdapat antara 482 hingga 496 ekor singa. Walau bagaimanapun, menurut rekod sejarah pada asalnya terdapat 627 ekor singa.

Bukan sahaja gaya ukirannya berbeza, malah usia ukiran singa ini juga berbeza. Kebanyakannya diukir pada zaman Dinasti Ming (1368–1644) dan Qing (1644–1911), tetapi terdapat juga ukiran yang dibuat lebih awal lagi iaitu pada zaman Dinasti Yuan (1271–1368) dan Jin (1115-1234).

Empat tiang setinggi 4.65 meter yang mengelilingi sebuah tugu peringatan marmar putih terdapat di setiap hujung jambatan. Sebuah tugu merekodkan kisah pembinaan semula jambatan oleh Maharaja Kangxi Dinasti Qing (1644-1911) pada tahun 1698, manakala sebuah lagi terukir kalimat 'Bulan Pagi di atas Lugou', karya kaligrafi Maharaja Qianlong, cucunda Maharaja Kangxi. Selain terkenal kerana ciri-ciri estetikanya, jambatan Lugou juga dianggap sebagai karya seni bina yang agung. Terdapat sebuah gerbang utama yang diapit oleh sepuluh gerbang yang lebih kecil dibina daripada batu granit pejal di jambatan ini. Setiap tiangnya dilindungi oleh tiang-tiang besi segi tiga bagi mengelakkan kerosakan akibat banjir dan ais. Kira-kira 500 meter dari jambatan Lugou terdapat sebuah kubu bernama Wanping. Kubu ini berukuran 640 meter panjang dan 320 meter lebar dan dibina lebih 360 tahun lalu untuk melindungi Beijing daripada pencerobohan pemberontak pada zaman Dinasti Ming. Ia merupakan satu-satunya jalan keluar dari jambatan Lugou.

Kenangan Pahit di Lugou

Di sebalik keindahan jambatan Lugou tersimpan sebuah kenangan pahit. Pada 7 Julai 1937, ia menjadi saksi kepada pertempuran antara Tentera Revolusi China dan Tentera Imperial Jepun. Pertempuran tersebut menandakan permulaan perang menentang pencerobohan tentera Jepun selama lapan tahun (1937-1945). Pertempuran bermula apabila sebuah kompeni tentera Jepun mengambil bahagian dalam latihan medan berhampiran jambatan Lugou pada malam 7 Julai. Seorang komander Jepun mendapati salah



Ukiran singa yang beraneka bentuk di Jambatan Lugou.

Di sebalik keindahan jambatan Lugou tersimpan sebuah kenangan pahit. Pada 7 Julai 1937, ia menjadi saksi kepada pertempuran antara Tentera Revolusi China dan Tentera Imperial Jepun.

seorang askarnya hilang dan mengesyaki tentera China telah menculiknya. Sementara mencari askar yang hilang, kedengaran bunyi tembakan. Pihak Jepun menuduh China melepaskan tembakan, begitu juga sebaliknya.

Kolonel Ji Xingwen mengetuai pasukan pertahanan China di Jambatan Lugou dengan kira-kira 100 orang askar. Selepas peperangan yang sengit, tentera Jepun berjaya menawan sebahagian daripada Jambatan Lugou. Namun pada subuh 9 Julai yang bergerimis, tentera China mendapat bantuan dan berjaya menawan kembali Jambatan Lugou.

Bagi memperingati mereka yang menjadi mangsa peperangan, sebuah muzium memorial dan taman arca Perang Menentang Pencerobohan Jepun dibina dan dibuka kepada orang ramai pada 7 Julai, 1987.

Muzium tersebut mempunyai 887 bahan pameran, antaranya menunjukkan strategi peperangan dan konfrontasi, serta perjuangan rakyat China menentang pencerobohan tentera Jepun. Dewan pameran muzium juga memaparkan beberapa hasil karyawan tersohor pada zaman tersebut. 中国




Saya tidak mempunyai radio. Bagaimana caranya untuk saya mengikuti siaran Bahasa Melayu CRI dan selain berita, ada apa rancangan lain yang menarik?

A Sekiranya tidak mempunyai radio, saudara boleh ke Radio Dalam Talian di laman web CRI Bahasa Melayu, <http://malay.cri.cn> untuk mengikuti siaran kami pada setiap hari. Selain berita terdapat pelbagai siaran lain yang pasti menarik minat saudara.



Saya sering terlepas peluang untuk ikut serta dalam aktiviti-aktiviti anjuran CRI. Bagaimana cara yang paling mudah untuk mendapat maklumat terkini CRI?

A Saudara boleh menjadi teman CRI Bahasa Melayu di Facebook, iaitu mal@cri.com.cn. Dari semasa ke semasa, maklumat tentang aktiviti-aktiviti anjuran CRI akan dimuatkan di laman tersebut, jadi saudara pasti tidak akan ketinggalan lagi!



Kata orang tidak sempurna lawatan ke Beijing sekiranya tidak sempat menikmati itik panggang Beijing (Peking Duck). Benarkah? Di mana boleh saya mendapatkan itik panggang yang halal?

A Itik panggang memang amat istimewa kedudukannya dalam budaya orang China di Beijing. Itik panggang Beijing yang halal boleh didapati di Restoran Islam Wang De Lou di daerah Xicheng atau cawangan-cawangan Restoran Dong Lai Shun di Beijing. Saudara juga boleh melayari laman web Panduan Umat Islam di China CRI untuk maklumat lanjut tentang restoran-restoran Islam di Beijing dan di China. 中国





中国城市

Bandar Kreatif
Kedudukan Bandar Mempesona
di China 2012



Pihak penganjur:
Radio Antarabangsa China (**CRI**)